



JPNK.600-2/1/25.JLD3(53)
Tarikh: 16 Februari 2026

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

Tuan,

MAKLUMAN TARIKH PEREKODAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM DALAM SISTEM PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERSEPADU BAGI KALENDER AKADEMIK 2026

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) nombor rujukan: KPM.600-4/1/3 Jld.10(11) adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa perekodan **Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)** bagi **Kalender Akademik 2026** akan dilaksanakan melalui **Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB)** Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti ketetapan berikut:

Perekodan Dalam Modul PAJSK: SPPB	Tempoh Pengisian Skor
Tahun 4, 5 dan 6	12 Januari 2026 hingga 30 November 2026
Tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5	
STAM	
Tingkatan Enam (Semester 3)	
Tempoh Rayuan Semakan Skor PAJSK	01 hingga 13 Disember 2026

JPNK.600-2/1/25.JLD3(53)

3. Sehubungan dengan itu, perekodan PAJSK oleh institusi pendidikan di bawah KPM bagi kalendar akademik 2026 adalah melalui pautan SPPB <https://idme.moe.gov.my/login> dengan menggunakan log masuk masing-masing dalam Sistem Pengurusan (IdMe). Jika terdapat sebarang aduan teknikal atau pertanyaan berkaitan perekodan dan pelaporan dalam Modul PAJSK: SPPB, pihak tuan boleh menghubungi Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) melalui pautan <http://isd.moe.gov.my>

4. Untuk makluman tuan, bagi memastikan kelancaran perekodan dalam Modul PAJSK: SPPB, perkara berikut perlu diselesaikan terlebih dahulu:

- 4.1 Memastikan semua pengguna Modul PAJSK: SPPB telah mendaftar sebagai pengguna **akaun Sistem Pengurusan Identiti (idMe)** dan;
- 4.2 Memastikan pentadbir pengurusan kokurikulum telah membuat penetapan guru penasihat kokurikulum dalam **Modul Pengurusan Institusi, Sistem Bersepadu KPM**.

5. Bersama-sama ini dilampirkan peranan dan tanggungjawab pihak berkaitan dalam Modul PAJSK: SPPB seperti dalam **Lampiran A** untuk perhatian tuan.

6. Kerjasama tuan dimohon agar memanjangkan surat pemakluman ini ke semua sekolah di bawah seliaan tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Puan Norazreen binti Yusof**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Kedah di talian **016-4170345**, e-mel: norazreen@moe.gov.my

Kerjasama dan perhatian tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI MOHD KAMAL BIN HASHIM, PJK.)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.

s.k. 1. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah

**PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB
MODUL PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI SUKAN DAN
KOKURIKULUM (PAJSK)
DALAM SISTEM PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERSEPADU
KALENDER AKADEMIK 2026**

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	Melaksanakan penetapan kelab dan persatuan, sukan dan permainan serta pasukan badan beruniform melalui pengurusan Modul Institusi.	Pentadbir Pengurusan Kokurikulum
2.	Melaksanakan perekodan PAJSK bagi setiap komponen iaitu sukan dan permainan, kelab dan persatuan, pasukan badan beruniform dan eksta kurikulum dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu KPM.	Guru Kelas / Guru Kokurikulum
3.	Mengesahkan data PAJSK dalam Kalender Akademik 2026 dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu KPM.	Guru Penyelaras PAJSK (pentadbir sekolah)
4.	Menyediakan pelaporan PAJSK Kalender Akademik 2026 untuk keperluan pihak berkepentingan.	Guru Kelas